

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 PENDAHULUAN

Peradaban manusia merupakan satu proses evolusi yang berterusan. Setiap peradaban dunia mempunyai ciri-ciri unik yang tersendiri. Manusia memainkan peranan yang paling penting dalam sesebuah peradaban dalam bentuk keluarga, masyarakat dan rakyat sesebuah negara kota. Lelaki dan wanita mempunyai peranan masing-masing dalam pembentukan peradaban sejak zaman berzaman (John M., Joachim S., 1985:27).

Terdapat pelbagai bentuk reformasi seperti reformasi pertanian, reformasi politik, reformasi ekonomi dan reformasi sosial. Reformasi merupakan satu proses yang membawa perubahan atau kemajuan dalam sesebuah peradaban manusia. Contohnya, reformasi pertanian yang awal membolehkan manusia bercucuk tanam di satu tempat yang sama tanpa berpindah mencari kawasan yang lebih subur kerana terciptanya sistem pengairan yang berkesan (Ibid:35).

Maka proses reformasi ini membolehkan manusia bercucuk tanam di suatu kawasan yang tetap. Penempatan seperti ini bermula dengan sebuah kampung kecil, seterusnya menjadi sebuah bandar dan akhirnya berkembang sebuah negara kota yang lengkap dengan kerajaan dan pentadbiran yang sistematik. Pasukan tentera

dibentuk oleh pemerintah bagi menghalang kuasa asing masuk dan merampas kekayaan hasil muka bumi mereka ([www.harappa.com/har/har0.html](http://www.harappa.com/har/har0.html)).

Reformasi sosial merupakan satu proses yang mengubah corak pemikiran manusia untuk menerima sesuatu yang berbeza dari amalan lama mengikut peredaran zaman.

Reformasi sosial wanita yang akan dibincangkan dalam kajian ini melihat bagaimana masyarakat di India pada abad ke 19 sehingga sebelum zaman kemerdekaan berubah corak pemikiran dan sikap mereka terhadap kaum wanita yang banyak ditindas.

Seperti peradaban lain, peradaban India juga melalui pelbagai jenis reformasi. Satu detik yang penting dalam sejarah peradaban India moden adalah pergerakan reformasi untuk membangun dan memulihkan kedudukan dan martabat wanita India. Reformasi kaum wanita bukan sahaja membawa perkembangan dan kemajuan bagi wanita sahaja tetapi banyak menyumbang ke arah kemerdekaan dan perkembangan peradaban India (Anil Bhat:1975).

Perkembangan sesuatu peradaban dapat dinilai apabila masyarakatnya mempunyai satu kehidupan yang berkualiti dan mempunyai sistem pentadbiran yang kukuh. Pergerakan reformasi kaum wanita di India dapat memecahkan tradisi dan budaya lama yang menindas kaum wanita. Dengan adanya kebebasan dan peluang pendidikan bagi wanita, mereka dapat mengembeling tenaga dan berkorban demi kemajuan peradaban mereka(John M.,Joachim S.,1985:69).

Pergerakan reformasi wanita di India juga adalah seiring dengan pergerakan nasionalisme mereka. Maka, sumbangan reformasi wanita yang amat bernilai merupakan sumber yang tenaga yang dibekalkan oleh kaum wanita bagi membantu kaum lelaki dalam usaha membebaskan negara mereka dari jajahan asing iaitu pihak British. Sejak permulaan abad ke 19, perkembangan pergerakan kaum wanita di India menonjolkan satu perkara yang penting iaitu pergerakan wanita dan sumbangannya terhadap peradaban India banyak bersangkut-paut dengan kedatangan budaya Eropah dan perkembangan politik di India untuk menuntut kemerdekaan dari pihak British(Vimla Farooqui,1996:13).

Pergerakan reformasi wanita banyak menyumbang dari segi sosial dan politik dalam peradaban India berbanding dengan sumbangan ekonomi pada masa itu. Ini adalah kerana, wanita era ini terutamanya dari golongan atasan tidak dibenarkan untuk keluar rumah sesuka hati ataupun mencari pendapatan hidup untuk membantu keluarga. Menurut tradisi masyarakat India, adalah menjadi tanggungjawab suami menyara kehidupan ibu-bapa,isteri dan anak-anaknya(Margaret Cormack,1961:125).

Anehnya, pejuang-pejuang reformis pergerakan kaum wanita pada awal abad ke 19 hampir-hampir kesemuanya terdiri dari kaum lelaki. Ini mungkin juga salah satu sebab kenapa tiada gerakan anti-lelaki di India yang dianjurkan oleh kaum wanita semasa pergerakan reformasi,berbanding dengan aktiviti feminis di Barat yang banyak mengutuk penindasan kaum lelaki terhadap wanita (Ibid:126).

Pergerakan reformasi ini bertujuan menghapuskan penindasan masyarakat setempat terhadap wanita kerana amalan dan budaya masyarakat Hindu yang jauh menyimpang dari ajaran yang sebenar pada masa itu. Kajian ini juga banyak menganalisa sumbangan pergerakan reformasi wanita terhadap perkembangan peradaban dari aspek sosio-politik India.

## 1.2 TUJUAN KAJIAN

Beberapa tujuan penting kajian ini adalah seperti berikut:

- a) Kenapa pergerakan reformasi wanita penting dalam perkembangan peradaban India?
- b) Apakah faktor-faktor yang menyumbang ke arah reformasi sosial wanita di India?
- c) Apakah yang dilakukan oleh reformis untuk memperjuangkan hak wanita yang ditindas. Siapakah mereka?
- d) Bagaimana pergerakan reformasi wanita dapat menyumbang dalam pergerakan nasionalisme negara India.
- e) Sumbangan wanita bersama Mahatma Gandhi dalam perjuangan kemerdekaan dari British
- f) Sumbangan reformasi wanita menuntut hak dan kebebasan untuk mendapat peluang pendidikan yang sama taraf dengan kaum lelaki, peluang pekerjaan bagi wanita dari golongan miskin dan beberapa isu sosial penting bekenaan wanita seperti amalan sati dan perkahwinan kanak-kanak.
- g) Melihat sejauh mana pertubuhan sosial dan politik seperti All India Women's

Conference yang dipelopori oleh tokoh-tokoh wanita menyumbang ke arah kemajuan kaum wanita.

- h) Mengkaji sejauh mana kaum wanita berperanan sebagai reformis dalam menegakkan hak, kebebasan bersuara dan berpolitik mereka semasa India sedang menuju ke arah kemerdekaan.
- i) Membincangkan beberapa aspek penglibatan tokoh wanita sebagai pemimpin, diplomat, dan aktivis menentang British dalam perjuangan Mahatma Gandhi menuntut kemerdekaan bagi negara India.

### 1.3 RASIONAL KAJIAN

Kajian ini akan meneliti dan menganalisa sejauh mana sumbangan wanita terhadap perkembangan dan kemajuan peradaban India pada abad ke 19, khususnya semasa perjuangan menuntut kemerdekaan dari pihak British semakin memuncak.

Kajian ini diperlukan kerana ia dapat memaparkan usaha meningkatkan martabat kaum wanita dan pengorbanan wanita di India bagi menuntut kemerdekaan dalam era di mana wanita jarang dilihat keluar rumah tanpa persetujuan atau pengawasan kaum lelaki.

Pengkaji berharap ia akan dapat sokongan wanita dari kaum yang berbeza di Malaysia untuk dibuat satu perbandingan antara sumbangan wanita di India berbanding dengan wanita dari negara lain pada era yang sama.

Pengkaji juga yakin hasil kajian ini dapat membuka mata wanita kaum lain di Malaysia tentang persamaan dan perbezaan dalam perjuangan wanita di era yang sama di Malaysia.

#### **1.4 HIPOTHESIS**

Peranan reformasi wanita dalam sumbangan terhadap peradaban India sebelum abad ke 19 dianalisa mengikut beberapa aspek yang penting dari segi kekeluargaan, pendidikan, sosial, agama,masyarakat, budaya dan politik. Beberapa hipotesis yang digunakan oleh penulis adalah seperti berikut:

- 1 Pada awalnya, pengkaji melihat bagaimana peranan dan kedudukan wanita di zaman klasik. Kemudian pengkaji membincangkan kemerosotan kedudukan dan martabat wanita bermula sejak abad yang pertama.
- 2 Oleh kerana peranan wanita yang paling penting bermula dalam institusi keluarga iaitu menjadi seorang anak,isteri, ibu dan menantu maka ianya akan dibincangkan terlebih dahulu dalam kajian ini untuk memberi satu gambaran awal tentang kehidupan wanita India semasa era tersebut.
- 3 Kajian ini juga akan memaparkan penindasan yang dialami oleh wanita mengikut kes-kes tertentu yang telah direkodkan pada masa itu. Kajian ini adalah berdasarkan fakta yang benar dan bukannya pandangan pengkaji semata-mata.
- 4 Setelah mengetahui penindasan terhadap wanita, detik-detik permulaan pergerakan reformasi akan dibincangkan. Setelah mengetahui sebab-sebab

reformasi wanita amat diperlukan, pengkaji akan menilai sumbangan pergerakan itu terhadap golongan wanita secara amnya.

- 5 Seterusnya, hasil reformasi kaum wanita yang memperlihatkan sumbangan-sumbangan wanita dalam beberapa konteks yang berlainan seperti seni,sosial dan peringkat antara-bangsa sebelum abad ke 19.
- 6 Pengkaji akan membuat kesimpulan bahawa pergerakan reformasi wanita bukan sahaja telah menolong golongan wanita India yang berbilang agama tetapi telah menjadi faktor yang penting dalam pergerakkan nasionalisme di India pada tahun 1900an.
- 7 Istilah ‘wanita’ yang disebutkan dalam kajian ini merujuk semua kaum wanita yang mempunyai kewarganeraan India tidak kira agama,etnik dan budaya. Mereka menetap di India pada abad ke 19 dan menganggap India sebagai tanah air mereka.

## 1.5 KAJIAN-KAJIAN YANG LEPAS

Kajian mengenai sumbangan wanita terhadap peradaban India belum dilakukan lagi. Tetapi beberapa karya yang bersangkut paut dengan isu ini adalah seperti hasil karya:

Dr. N. Subramanyam telah menulis satu artikel tentang “*Status Wanita Zaman Klasik*” yang telah disiarkan dalam *Journal of Indian History*. Vol.38, Part 1. Artikel ini banyak mengutarakan martabat dan kedudukan wanita dalam masyarakat India pada zaman klasik

Devapoopathy Nadarajah yang menghasilkan sebuah buku berjudul *Women in Tamil Society: The Classical Period* dengan memberi tumpuan kepada karya kesusasteraan Tamil Klasik.

Achee Subramaniam, dalam tesis Ph. D, berjudul *Wanita dalam Kesusasteraan Melayu dan Tamil Klasik* yang telah membuat satu kajian membandingkan kedudukan wanita dalam dua kesusasteraan yang berbeza. Beliau dalam kajiannya mencari bersamaan dan perbezaan dalam kesusasteraan Melayu dan India.

## 1.6 SKOP KAJIAN

Sumbangan wanita terhadap peradaban India boleh dianalisa dari beberapa aspek seperti sosial dan politik . Jangka masa yang dianalisa dalam peradaban India adalah permulaan abad ke 19 sehingga kemerdekaan India pada 1947.

Status wanita zaman klasik juga diberi penekanan dalam kajian ini untuk menyatakan bahawa kemerosotan wanita ini hanya dapat dilihat sejak abad pertama, dan di zaman klasik sebenarnya martabat dan kedudukan wanita amat tinggi dan mereka diberi layanan dan kebebasan sama seperti lelaki. Malah ramai cendikiawan di zaman klasik terdiri daripada kaum wanita juga diceritakan dalam kajian ini untuk membuktikan kesahihannya.

Kajian merujuk sejauh mana perjuangan wanita untuk diri mereka sendiri dan demi negara. Reformasi kaum wanita ini banyak membuka mata wanita untuk keluar rumah dan melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti sosial, pembangunan masyarakat

dan menuntut kemerdekaan. Penulis mengkaji sumbangan wanita hanya dari beberapa aspek yang dirasakan penting sahaja. Apek-aspek ini dianggap penting setelah mengkaji sumber bahan rujukan yang sedia ada.

## 1.7 SUMBER

- a) Vijay Agnew,*Elite Women In Indian Politics*, 1979, Vikas Publishing House, New Delhi.

Buku ini membincangkan kebangkitan wanita dari golongan atasan atau elit untuk berganding bahu bersama-sama kaum lelaki demi berjuang ke arah kemerdekaan India. Ianya membincangkan semangat nasionalisme di kalangan wanita pada akhir abad ke 19 dan awal 20. Pengarang pada mulanya menceritakan bagaimana kehidupan wanita dari golongan atasan mula berubah kerana penglibatan mereka dalam memperjuangkan kemerdekaan negara mereka melalui kempen yang dianjurkan oleh kaum lelaki. Ianya juga membincangkan peranan Mahatma Gandhi dalam memperjuangkan hak-hak wanita dalam pergerakkan nasionalisme, politik dan sosial secara ringkas. Namun, ia lebih membincangkan dari aspek politik berbanding sosial.

- b) Margaret E. Cousins, *Indian Womanhood Today*, 1941, Kitabistan, Allahabad.

Membincangkan peranan wanita dari pelbagai aspek terutamanya semangat patriotisme mereka dan bagaimana kongkongan budaya menghalang wanita dari turut menyertai pergerakkan nasionalisme yang dilaungkan oleh kaum lelaki. Selain dari semangat nasionalisme, ianya juga melihat peranan wanita dalam perundangan

India. Aspek sosial pula membincangkan peranan wanita dalam pelajaran, muzik, seni, budaya serta pegangan dan amalan tradisional.

- c) Gandhi M.K,*Women and Social Injustice*,1945, Navajivan Publishing, Ahmadabad.

Hasil karya Gandhi dalam penerbitan *Harijan* yang membincangkan reformasi sosial wanita. Buku ini memaparkan surat-surat yang ditulis oleh wanita perpendidikan dan pembaca Harijan kepada Gandhi untuk mengetahui apakah pendapat beliau tentang kisah-kisah benar dan penganiayaan yang berlaku terhadap wanita dari serata pelusuk India pada masa itu. Antara kisah benar yang disebut ialah tentang perkahwinan kanak-kanak, dowri, penjualan anak perempuan serta kurangnya peluang pendidikan bagi wanita.

- d) Gail Minault ed., (1981),*The Extended Family; Women dan Political Participation In India dan Pakistan*, New Delhi: Kay Kay Printers.

Buku ini adalah hasil kompilasi persidangan Berkshire ke 5 di Kolej Holyoke pada Ogos 1978. Beberapa orang penulis membentangkan kertas kerja mereka terhadap reformasi wanita dalam politik yang berlaku pada awal abad ke 20 dan sebelum kemerdekaan . Antara beberapa kertas kerja yang relevan adalah seperti artikel bertajuk “Peranan wanita dalam keluarga tradisional” oleh Gail Minault, “Reformasi sosial dan peranan wanita dalam politik di Andhra dan Madras ” oleh Karen I.Leonard dan John G.Leonard, “Perjuangan hak-hak wanita dan pergerakan wanita ” oleh Geraldine Forbes, “Pergerakkan wanita dan

*pembangunan nasional*" ditulis oleh Shahida Lateef dan "*Hak persamaan taraf dan akibat perjuangan dalam politik oleh wanita*" yang dikarang oleh Mary Fainsod Katzenstein.

- e) Manmohan Kaur, (1985), *Women In India's Freedom Struggle*, New Delhi: Sterling Publisher.

Buku ini membincangkan beberapa fasa reformasi wanita dalam tempoh masa 90 tahun bermula pada tahun 1857 hingga 1947 di India. Lebih fokus kepada isu-isu wanita dalam politik, pentadbiran dan pelajaran. Kebanyakkannya maklumat dan statistik yang dipaparkan dalam buku ini didapati dari surat khabar, majalah, temuramah dan rekod-rekod lama kerana maklumat terperinci sukar diperolehi dari rekod kerajaan. Hampir keseluruhan buku bertumpu kepada aspek perjuangan wanita dalam menuntut kemerdekaan India. Beberapa tokoh yang diceritakan adalah seperti Sarala Devi, Madam Bhikaiji Rustum, K.R Cama, Annie Besant dan Sarojini Nair.

- f) Alfred de Souze ed., (1975), *Women In Contemporary India; Traditional Images dan Changing Roles*, New Delhi: Manohar.

Buku ini merupakan kompilasi karya-karya penulis tentang isu-isu wanita kontemporari seperti kebebasan bersosial, arus perubahan di kalangan wanita di Uttar Pradesh, perubahan struktur keluarga apabila wanita mula keluar rumah untuk bekerja, tata-susila dan adab wanita era kemerdekaan, serta wanita dan agama.

Antara penulis-penulis artikel adalah seperti Suma Chitnis, Zarina Bhetty, M.R.Wod dan Helen E.Ullrich.

- g) Ghosh S.K., (1989), *Indian Women Through The Ages*, New Delhi: Ashish Publishing.

Membincangkan kedudukan wanita dalam masyarakat India mengikut teks-teks suci agama Hindu. Keduanya, membincangkan aspek yang sama dalam keluarga, Islam dan Kristian. Perkahwinan antara kasta, kaum dan agama yang berlainan dibincangkan secara terperinci. Peranan wanita dalam buku ini bertumpu dari aspek kematian, dowri, kehidupan dalam keluarga bersama,penceraian, nafkah hidup, eksplorasi wanita dan undang-undang jenayah yang melibatkan kaum wanita.

- h) H.N. Verma, Amrit Verma, (1976), *Indian Women Through Ages*, New Delhi: G. India Publisher.

Merupakan satu panduan nama-nama tokoh wanita yang terkenal. Ianya disenaraikan mengikut huruf “A” hingga “Z”. Secara ringkas membincangkan apakah sumbangan tokoh-tokoh wanita dalam pelbagai aspek dalam sejarah India.

- i) Rajalaksmi V. ed, (1979), *The Political Behavior of Women In Tamil Nadu*, Bombay.

Lebih khusus membincangkan pergerakan wanita di Tamil Nadu yang menuntut kemerdekaan India di peringkat kebangsaan. Membincangkan peranan Mahatma

Gandhi dalam mempengaruhi cara pemikiran penduduk India Selatan khususnya Tamil Nadu. Tokoh-tokoh yang dibincangkan adalah mengikut daerah masing-masing seperti aktivis di Madras, Chinglepet, Coimbatore dan lain-lain. Ada juga statistik diberikan tetapi maklumatnya terhad. Selebihnya membincangkan peranan wanita selepas kemerdekaan.

## 1.8 METODOLOGI

Setelah meneliti sumber rujukan yang ada, pengkaji menggunakan kaedah deskripsi untuk menunjukkan bagaimana kedudukan wanita telah merosot sejak zaman klasik dan secara mendadak pada permulaan abad pertama. Kaedah ini amat penting bagi menunjukkan sejauh mana sumbangan pergerakan reformasi wanita menjadi tapak yang kukuh bagi semua wanita India di masa hadapan dalam peradaban India terutamanya pada abad 19 dan pertengahan abad ke 20.

Penilaian objektif dan subjektif digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini. Oleh kerana ini bukanlah satu kajian perbandingan maka pengkaji membuat analisa beliau berdasarkan sumber yang boleh didapati serta relavan untuk kajian.

Maka terpulanglah kepada pengkaji bagaimana analisa ini dilakukan mengikut aspek-aspek sumbangan yang tertentu sahaja seperti sumbangan wanita dalam keluarga kerana peradaban sesuatu bangsa itu bermula dengan institusi keluarga.

Banyak maklumat tentang penglibatan politik wanita didapati pada zaman kemerdekaan India. Maklumat ini juga dikaji dan satu rumusan didapati untuk

melihat sejauh mana wanita telah berkorban demi pembentukan masyarakat sesebuah peradaban melalui perjuang nasionalisme.